

Dr. Mahathir

Apakah pengalaman-pengalaman beliau yang lalu sebagai seorang doktor perubatan telah banyak memberi pengajaran supaya lebih bersedia menghadapi sebarang rintangan?

Oleh MAHADZIR MOHD. KHIR

Pada 16 Julai yang lalu sudah genap satu dekad Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia. Sepanjang satu dekad Dr. Mahathir telah memberi kesan kepada politik kepartian dan Kerajaan Malaysia. Menganggap beliau seorang sahaja yang dominan dalam seluruh perkembangan tersebut tidak pula begitu tepat, kerana terdapat beberapa faktor yang lain secara tidak langsung turut memberi sumbangan kepada perkembangan tersebut. Walau bagaimanapun faktor Dr. Mahathir boleh dikira sebagai salah satu faktor penting dan dianggap begitu dominan dalam politik Umno dan Malaysia amnya.

Kepemimpinan dan pemimpin kerap kali menjadi salah satu subjek perhatian dalam kajian perkembangan politik sesebuah negara. Sama ada negara itu mundur atau maju, politik stabil atau tidak kepimpinan pemimpin yang dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun bukan seluruh kesalahan diletakkan kepada pemimpin, jika negara itu mundur atau dilanda bencana peperangan, baik perang saudara atau perang antara negara, kita tidak menghukum pemimpin itu sahaja. Demikian juga jika negara itu maju atau makmur tidaklah seluruh kepujian diberikan kepada pemimpin.

Sehubungan dengan itu kedua-dua pihak iaitu, pemimpin dan yang dipimpin sama-sama bertanggungjawab. Kedua-dua pihak dianggap mempunyai peranan masing-masing dalam pembangunan negara. Dalam negara-negara yang dianggap demokratik, kuasa pemimpin diperolehi melalui sistem pemilihan sama ada di peringkat parti dan peringkat pilihanraya umum.

Umumnya kepemimpinan seseorang pemimpin, diberi fokus sebagai elemen yang terpenting dalam pembangunan masyarakat. Pemimpin biasanya dianggap sebagai penggerak kepada mereka yang dipimpin. Bagi sesetengah pengkaji tentang kepemimpinan, mereka biasanya mengkategorikan pemimpin-pemimpin dalam beberapa kategori. Misalnya ada pemimpin dikategorikan sebagai autokratik, simbolik, despotik, demokratik, pragmatik, liberal, terbuka, karismatik dan sebagainya.

Dalam kes Malaysia secara khusus, biasanya penilaian ke atas kepemimpinan dilakukan berdasarkan prestasi serta kebolehan seseorang itu berfikir dan mengendalikan masalah baik

Satu Dekad

yang kritikal mahupun yang dianggap remeh. Terkadang kala ada juga pemimpin yang dianggap serba boleh jika ia bersifat tidak sombong, peramah, selalu senyum dan sanggup berjabat salam seberapa banyak yang mungkin di dalam sesuatu perjumpaan.

Dr. Mahathir mengambil alih teraju kepemimpinan daripada Allahyarham Tun Hussein Onn pada 16 Julai 1981. Pada mulanya Dr. Mahathir tidak menjangka bahawa beliau akan dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri apabila Tun Hussein Onn menggantikan Allahyarham Tun Abd. Razak. Jika diambil kira daripada segi kedudukan beliau sebagai Naib Presiden Umno, beliau berada di peringkat ketiga selepas Tengku Razaleigh dan En. Ghafar Baba berdasarkan undi popular pada ketika itu. Walau bagaimanapun perlantikan tersebut adalah hak Perdana Menteri. Ini kerana Tun Hussein Onn menganggap perlantikan tersebut adalah perlantikan jawatan di dalam kerajaan bukan dalam parti Umno. Di samping itu jawatan Timbalan Perdana Menteri adalah sebagai pembantu kepada jawatan Perdana Menteri. Berikutnya Dr. Mahathir telah menunjukkan kebolehannya sehingga kemudiannya beliau telah dilantik sebagai Timbalan Presiden dan seterusnya sebagai Presiden Umno. Ini kemudiannya melayakkan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia, berdasarkan tradisi dalam Barisan Nasional (BN).

Untuk membuat penilaian terhadap kepemimpinan Dr. Mahathir boleh dilihat dalam dua peringkat iaitu pertama, beliau sebagai pemimpin parti dalam parti-parti komponen (BN) dan kedua sebagai Perdana Menteri Malaysia. Di peringkat parti sebagai pemimpin Umno, yang merupakan parti terbesar malah sebagai tunggal BN, beliau dianggap sebagai seorang ahli politik. Ini bermakna beliau merupakan ahli politik sepenuh masa dan kesanggupannya untuk menghadapi sebarang perkara yang dikira sebagai politik dalam bentuknya. Ini juga bererti beliau mempunyai kebolehan dan kepintaran dalam mengatasi sebarang masalah organisasi, dasar dan sistem parti sehingga dapat berjalan lancar tanpa gangguan. Tanpa pengurusan yang cekap dan berpengaruh, organisasi parti tentu akan menjadi tidak tentu arah yang kemudian akan diikuti dengan kelemahan parti dan sekaligus menimbulkan

ketidakstabilan politik nasional. Ini ialah kerana Umno parti dominan dalam kerajaan Malaysia.

Sebagai contoh, dalam kes Umno tahun 1987, masalah politik kepartian telah dicabar dalam mahkamah. Kuasa undang-undang telah mengatasi politik dan Umno telah diharamkan. Sehubungan dengan itu Dr. Mahathir walau dengan hanya kelebihan 43 undi, berjaya memulihkan Umno. Umno pada ketika itu dalam keadaan tenat kerana terlalu banyak kegiatan 'main politik' di kalangan pemimpin-pemimpin dalam parti. Barangkali mungkin ada pihak-pihak tertentu yang ingin mengambil kesempatan untuk melonjak ke atas dan terus memimpin kerajaan. Menurut sesetengah pendapat, hal ini mungkin dianggap sebagai satu kelemahan dalam Umno. Ada juga mengandaikan faktor kemelesetan dalam iklim ekonomi Malaysia yang telah mendorong pihak-pihak tertentu berbuat demikian. Tetapi Dr. Mahathir sebagai ahli politik yang tahan lasak dan mempunyai daya saing, berjaya muncul sebagai juara.

Sebagai pemimpin parti-parti komponen dalam BN, Dr. Mahathir dapat mengimbangi parti-parti dalam BN, khususnya dalam pembahagian kerusi sewaktu menghadapi pilihanraya umum. Begitu juga dengan isu-isu yang terkadang kala dianggap sebagai berbau perkauman, beliau berupaya menyelesaikannya. Dalam pilihanraya umum, Dr. Mahathir yang dijadikan simbol pemimpin BN dapat memberi kemenangan tiga pilihanraya umum di peringkat Persekutuan dan Negeri berturut-turut (1982, 1986 dan 1990), kecuali dalam pilihanraya peringkat Negeri 1990 apabila Kelantan dan Sabah jatuh ke tangan pembangkang. Sedikit sebanyak, itu dianggap sebagai kelemahan Dr. Mahathir dalam mengekalkan kedua-dua negeri tersebut di bawah BN. Namun kekilapan itu juga patut dipikul bersama oleh pemimpin-pemimpin di peringkat negeri yang juga harus bertanggungjawab. Begitu juga dengan kes Sabah, sebelum pilihanraya umum Persekutuan, semasa pilihanraya negeri, PBS masih berada di dalam BN.

Dalam menghadapi parti-parti pembangkang, Dr. Mahathir terpaksa menghadapi cabaran daripada dua kumpulan, iaitu parti bukan Melayu dan Melayu. Tujuan parti bukan Melayu khususnya DAP, yang dasarnya memperjuangkan tuntutan Malaysian Malaysia. Manakala parti Melayu ialah Pas yang menuntut supaya menegakkan negara dan perlembagaan Islam secara ideal. Dr. Mahathir dapat menangkis parti-parti tersebut dengan memberi kemenangan kepada BN.

Tetapi dalam pilihanraya 1990, Dr. Mahathir terpaksa menghadapi

dua gabungan parti-parti pembangkang. Satu ialah APU, pakatan antara Pas dan Semangat 46, dan satu lagi ialah Gagasan Rakyat pakatan antara Semangat 46, DAP, PBS, PFPL dan PR. Dua buah gabungan parti politik ini cuba menumbangkan BN atau sekurang-kurangnya menidakkan 2/3 majoriti dalam parlimen. Namun Dr. Mahathir sekali lagi berjaya membawa kemenangan kepada BN dengan memperoleh lebih 2/3 majoriti di parlimen.

Di peringkat kepimpinan kerajaan sebagai Perdana Menteri dan sekaligus sebagai ketua eksekutif, Dr. Mahathir menghadapi pelbagai cabaran yang dihadapinya dengan matang dan sedaya upaya cuba diatasinya. Dalam pentadbiran negara, beliau terpaksa akur kepada dasar-dasar tertentu yang diperuntukkan dalam Perlem-

bagaan Malaysia yang mempunyai empat peringkat kesemuanya. Pertamanya ialah Insituti Raja-raja Melayu, kedua ialah eksekutif iaitu kabinet dan kementerian-kementerian termasuk pentadbiran awam, ketiga ialah Dewan Perundangan dan keempat ialah Kehakiman.

Di peringkat awal pentadbirannya, beliau menghadapi masalah perlembagaan apabila persoalan bidang kuasa Raja-raja telah dibangkitkan. Kemudian sekali lagi persoalan 'Raja' berperlembagaan timbul dalam perhimpunan Umno 1990. Keberanian beliau menanggung risiko sewaktu mencari penyelesaian mengenai masalah bidang kuasa Raja menambahkan lagi kewibawaannya. Dengan pentadbiran awam, persoalan mengemaskinikan jentera kerajaan seperti waktu bekerja dan kecekapan pentadbiran awam telah diberi perhatian yang serius. Dalam masa yang sama satu kontroversi pula timbul

dalam tahun 1988 apabila isu Ketua Hakim dan kedudukan bidang kehakiman dengan pihak eksekutif, dan beliau telah mengambil satu keputusan yang mengejutkan.

Berhubung dengan kedudukan dan peranan swasta dalam pembangunan ekonomi Negara Malaysia, Dr. Mahathir telah memecah tradisi dengan memberi penekanan kepada persyarikatan Malaysia dan penswastan beberapa agensi-agensi milik kerajaan. Apakah ini dapat dianggap sebagai menyahut cabaran *trend* ekonomi antarabangsa, atau menyesuaikan keadaan dalam perkembangan dan pertumbuhan ekonomi? Keyakinannya untuk membangunkan ekonomi dapat dilihat daripada usaha gigih beliau yang ingin membawa Malaysia ke arah negara perindustrian.

Dr. Mahathir bukan sahaja berjaya menguasai keadaan politik nasional dan kerajaan Malaysia, beliau juga berjaya mewakili Malaysia dan membawa Malaysia berperanan dalam politik dan ekonomi antarabangsa. Misalnya beliau telah menunjukkan kewibawaan yang dianggap setanding dengan Presiden Suharto apabila mencraju negara dalam aktiviti yang melibatkan negara-negara Asean. Begitu juga peranan beliau dalam negara-negara Komanwel. Isu apartheid mendapat perhatian serius dan tegas daripadanya dan beberapa tindakan

yang berkesan telah dapat diambil. Beliau juga telah mengenengahkan masalah serta suara Negara-negara Selatan yang diambil perhatian berat oleh negara-negara maju. Kemudian timbul cadangan beliau untuk membentuk satu gagasan EAEG yang tidak disenangi oleh sesetengah negara maju.

Apakah yang mendorong dan mempengaruhi kepemimpinan Dr. Mahathir? Beliau dilihat sebagai pemimpin yang bertenaga, berkemampuan, berkebolehan, dan tahan lasak. Adakah kerana personalitinya yang berdisiplin atau apakah rangsangan-rangsangan yang memberi kekuatan dalam dirinya untuk bertindak sedemikian? Apakah pengalaman-pengalaman beliau yang lalu sebagai seorang doktor perubatan, telah banyak memberi pengajaran supaya lebih bersedia menghadapi sebarang rintangan. Sebagai manusia biasa, beliau tidak terlepas daripada mempunyai kelemahan. Apakah kegagalan beliau dalam pilihanraya 1969 apabila beliau telah ditewaskan oleh Pas, serta pengalaman pahit dalam tahun 1987 telah memantapkan lagi cara beliau berpolitik? Atau mungkinkah beliau memang seorang ahli politik yang cekap dan bijak mengatur strategi politik? Begitu juga dengan persepsinya sebagai seorang doktor perubatan yang begitu pragmatis menghadapi pesakitnya. Apakah rekod-rekodnya yang lalu telah memberi kekuatan dalam dirinya sehingga sanggup menghadapi risiko yang tinggi?